

10 AUG 2003

MCA-Gerakan/I

MCA DALAM "PERHUBUNGAN BAB BARU" DENGAN GERAKAN

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- MCA hari ini berikrar meningkatkan kerjasama dengan Gerakan dalam "bab baru perhubungan dan kerjasama", kata presidennya Datuk Seri Ong Ka Ting.

Beliau berkata terdapat banyak perkara yang boleh diusahakan oleh kedua-dua parti bagi kepentingan bersama terutama dalam isu yang melibatkan masyarakat Cina dan negara.

"Perkara lepas adalah sejarah bagi kita dan saya berharap bab baru dalam perhubungan akan muncul mulai sekarang," katanya kepada pemberita selepas erasmian Perhimpunan Agung MCA ke-50 di Wisma MCA di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) merasmikan persidangan sehari itu yang dihadiri lebih 2,000 perwakilan.

Turut menghadiri perasmian itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta para pemimpin parti-parti komponen BN.

Ong diminta mengulas ucapan Dr Mahathir yang meminta MCA bertindak sebagai abang kepada parti komponen yang lebih baru dan bekerjasama rapat dengan parti-parti itu sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Ucapan Perdana Menteri menarik perhatian para perwakilan kerana presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik baru-baru ini berkata MCA adalah ibarat abang kepada Gerakan.

Timbalan presiden Gerakan Datuk Kerk Choo Ting sementara itu berkata sebagai "adik", Gerakan telah memberikan kerjasama sejak sekian lama dan berharap ia akan dipertingkatkan.

"Perhubungan kita tidaklah begitu rapat dan kita menyambut baik kerjasama sebenar antara MCA dan Gerakan bagi pilihan raya umum akan datang," katanya selepas perasmian persidangan itu.

Naib presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon juga yakin kedua-dua parti akan menjalin kerjasama lebih erat bagi menghadapi pilihan raya umum.

Ketua Menteri Pulau Pinang itu berkata adalah perkara biasa parti politik mempunyai perbezaan tetapi yang penting mereka dapat bekerjasama berlandaskan kepada semangat BN.

-- BERNAMA

AT AZZ ZUL MOZ